



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

NOTIS TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) dan memiliki Sijil Kontraktor Penyiap dari Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) dalam gred/kelas, kategori/tajuk/kepala, pengkhususan/tajuk kecil/subkepala yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat Yang Memanggil Tender	Tajuk Tender	Taraf / Jenis Sykt *	Kelayakan	Tempat & Tarikh Dokumen Diperolehi	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Ditutup
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan, KPKT	<p>Menyiapkan Baki Kerja Balai Bomba Pitas serta Kemudahan – Kemudahan Berkaitan di Daerah Kudat, Pitas, Sabah.</p> <p>(NO TENDER: KPKT/BPEMB/UB/T/24/2021)</p>	<p>Terbuka dikalangan kontraktor penyiap (KKR) yang beralamat di negeri Sabah Sahaja T1</p>	<p>CIDB Gred: G5/G6/G7 Kategori: B Pengkhususan: B04 atau PUKONSA Kelas: B/A Tajuk: II Tajuk Kecil: 2(a) dan MEMILIKI SIJIL KONTRAKTOR PENYIAP KKR</p>	<p>Dokumen boleh dimuat turun mulai 10 November 2021 (Rabu) hingga 24 November 2021 (Rabu)</p> <p><i>*Pautan dokumen tender hanya akan diberikan kepada petender yang telah hadir lawatan tapak</i></p>	<p>RM50.00</p> <p>Dikehendaki mengeluarkan Wang Pos/ Wang Kiriman Pos/Bank yang dibuat atas nama Ketua Setiausaha KPKT</p> <p>Tidak akan dikembalikan (Hendaklah dikemukakan semasa mengemukakan Dokumen Tender)</p>	<p>Aras 1, Kaunter 2, Unit Kaunter Setempat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, No. 51, Presint 4, 62100 Putrajaya</p> <p>1 Disember 2021 (Rabu) 12.00 Tengah Hari</p>
<p>Lawatan tapak akan dilaksanakan pada 10 November 2021 (Rabu) 11.00 pagi di lokasi tapak projek. Lawatan Tapak adalah DIWAJIBKAN. Hanya petender yang hadir taklimat tapak sahaja akan diberikan pautan (<i>link</i>) dokumen tender. Sila hubungi En Ahmad Fakhri/ En Syahrul Hazle di talian 03-8891 3747/3735 untuk maklumat lanjut.</p> <p style="text-align: center;">Tapak projek : Balai Bomba dan Kuarters Pitas, 89100, Kudat , Sabah</p>						

*Jenis Syarikat Tempatan: T1 - Syarikat 100% milik tempatan

PROJEK : MENYIAPKAN BAKI KERJA BALAI BOMBA DAN KUARTERS PITAS SERTA KEMUDAHAN – KEMUDAHAN BERKAITAN DI DAERAH KUDAT, SABAH.

NO.TENDER : KPKT/BPEMB/UB/ T/24/2021

Nota Penting :

1. Penyerahan Dokumen Tender yang lengkap hendaklah dikemukakan dalam bentuk salinan bercetak (*hardcopy*).
2. Setiap petender hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) dokumen tawaran sahaja. Sekiranya di dapati terdapat petender yang mengemukakan melebihi dari satu (1) tawaran, kesemua tawaran tersebut akan ditolak dan tidak akan disenaraikan di dalam Jadual Tender.
3. Petender yang berhasrat untuk menyertai tender ini hendaklah memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Sekiranya tidak, dokumen tawaran petender akan ditolak.
4. Petender juga perlu mengemukakan Wang Pos/ Wang Kiriman Pos/Bank yang dibuat atas nama KSU KPKT semasa mengemukakan dokumen tawaran di Kaunter Penyerahan. Sekiranya tiada, dokumen tawaran tersebut akan ditolak dan tidak disenaraikan dalam Jadual Tender.
5. Serahan dokumen tender secara TANGAN/POS/KURIER.
6. Petender juga hendaklah sentiasa peka terhadap sebarang makluman perubahan/tambahan dokumen tender sepanjang tempoh perolehan/ sehingga tarikh tutup tender di laman sesawang KPKT/Emel yang dihantar kepada petender.

Dokumen Tender yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan nombor bilangan Tender serta tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Pemberitahuan/Kenyataan Tender.

Jika Dokumen Tender tidak diserahkan dengan tangan, Petender hendaklah menghantar Dokumen tender tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan seperti berikut:

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Unit Kontrak dan Ukur Bahan
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
Aras 7, No.51, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
(u/p: En Azhar Bin Ab Aziz)